



JABATAN KETUA MENTERI
Chief Minister's Department
Aras 28, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU, SABAH
MALAYSIA

Tel : +6088-369 900
Faks : +6088-211 016

Rujukan: JPN: 100-4/16 Jld. 3 (75)
Tarikh: 02 Mac 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian;
Semua Ketua Jabatan;
Semua Pegawai Daerah; dan
Semua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil.

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

**KEWAJIPAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH
MENJALANKAN TUGAS SELARAS DENGAN PERATURAN-PERATURAN
PEGAWAI AWAM NEGERI SABAH 2008 PERKARA 15(1)(2) DAN (3)**

Perkara di atas dirujuk.

2. Berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, 15(1)(2) dan (3), pegawai hendaklah menumpukan seluruh masanya kepada perkhidmatannya dengan Kerajaan, menjalankan tugas-tugas jawatannya dan tugas-tugas lain yang diarah dari semasa ke semasa serta berkhidmat di mana-mana sahaja sebagaimana yang diarahkan oleh Kerajaan atau oleh Ketua Jabatannya.

3. Oleh itu, bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan tidak terjejas khususnya semasa berlakunya pandemik COVID-19, maka pegawai perkhidmatan awam negeri akan diarah bertugas secara penempatan sementara ke mana-mana agensi perkhidmatan perlu (*essential services*) atau ke mana-mana perkhidmatan atau lokaliti berdasarkan keperluan dengan menggunakan perjawatan dan peruntukan kewangan sedia ada di agensi asal.

4. Sila ambil maklum terhadap perkara ini dan hendaklah bersedia melepaskan pegawai yang terlibat dengan memastikan perkhidmatan asas pegawai tidak terjejas.

5. Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri akan mengeluarkan surat penempatan pegawai secara sementara dan bertempoh kepada pegawai-pegawai yang dikenalpasti apabila perkhidmatan mereka diperlukan.

Sekian,

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP.)
Setiausaha Kerajaan Negeri

“SABAH MAJU JAYA”